

**MENANGANI MASALAH PENAGIHAN DADAH
DI KALANGAN BELIA MELALUI ZIKRULLAH: KAJIAN DI PONDOK REMAJA INABAH
MALAYSIA**

Sudirman Bin Hj. Abd. Fatah

Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu;

E-Mel: sudirman@ktb.edu.my; **Tel:** 019 - 9603788; **Faks:**

Tahap Pengajian: Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaysia Terengganu.

Prof. Madya Dr. Fadzli Hj. Adam

Jabatan Ekologi Sosial, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi,
Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Terengganu, Terengganu;

E-Mel: fadzli@umt.edu.my; **Tel:** 09 - 6684188; **Faks:**

Membangun sebuah masyarakat dan negara yang maju, memerlukan golongan belia yang sihat cergas dan bebas dari ancaman sosial yang negatif. Belia ialah kelompok masyarakat yang akan berperanan dalam merealisasikan aspirasi negara. Jika belia bermasalah dan menghadapi dilema sosial yang tidak sihat, maka akan berhadapan dengan fenomena sosial yang akan melemahkan kemajuan negara. Penagihan dadah yang berlaku di negara ini menjadi semakin serius apabila ditinjau dari segi bilangan penagih yang semakin meningkat, jenis dadah yang digunakan dan peringkat umur yang melibatkan belia. Banyak teori yang memperkatakan mengenai punca masalah penagihan dadah yang kesemuanya dapat dirumuskan menjadi dua aspek iaitu aspek sosiologikal dan psikologikal. Kertas kerja ini bertujuan untuk melihat perbezaan tahap amali zikir jahar dan zikir khafi antara kumpulan bekas penagih dengan kumpulan penagih tegar. Seramai 60 responden telah dipilih yang merangkumi dua kumpulan iaitu 30 orang kumpulan bekas penagih di negeri Terengganu dan 30 orang kumpulan penagih tegar yang sedang menjalani pemulihan di Pondok Remaja Inabah Kedah dan Terengganu. Dari jumlah ini, 10 orang dipilih secara rawak mudah sebagai informan utama. Instrumen untuk mengukur kajian ini menggunakan tiga pendekatan, iaitu kekerapan, kuantiti dan konsistensi amali zikir di antara kedua-dua kumpulan tersebut. Data dikumpul dengan menggunakan triangulasi iaitu temu bual berstruktur, temubual tak berstruktur dan pemerhatian ikut serta. Data dianalisis dengan menggunakan triangulasi metod iaitu analisis kualitatif dan analisis kuantitatif. Analisis data kuantitatif dengan menggunakan program "Statistical Package Of Social Sciences (SPSS Windows)". Prosedur Deskriptif dan Analisis The Mann-Witney U Test telah digunakan. Hasil kajian menunjukkan perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan berhubung dengan tahap amali zikir. Perbezaan antara dua kumpulan ini, kumpulan bekas penagih lebih tinggi daripada kumpulan penagih tegar. Oleh itu, tahap pengamalan zikir yang berhubung dengan kekerapan, kuantiti, dan konsistensi dilihat sebagai faktor penyumbang terpenting bagi memastikan individu tidak terlibat kepada penagihan dadah.